

**MEMO PENDAFTAR BIL.03/2021**

**KEPADA : SEMUA STAF AKADEMIK  
UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)**

**DARIPADA : HAJAH ROKMAA BINTI HAJI MAT  
PENDAFTAR**

**TARIKH : 14 JANUARI 2021**

**NO.RUJUKAN : (68) dlm.UNISEL/PP/01.10\_Jld.I**

**PERKARA : PENGENDALIAN KES PENYELEWENGAN AKADEMIK  
DALAM PEPERIKSAAN AKHIR**

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera.

Perkara di atas dengan hormatnya adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat Kali Ke-190 (Bil. 12/2020) bertarikh 23 Disember 2020 telah membuat ketetapan bahawa Pengendalian Kes Penyelewengan Akademik Dalam Peperiksaan Akhir (termasuk peperiksaan akhir secara dalam talian) adalah tertakluk kepada Prosedur Kerja (SOP) yang telah ditetapkan sebagaimana amalan sedia ada oleh pihak Unit Peperiksaan (Jabatan Rekod, Peperiksaan & Konvokesyen) dan Bahagian Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti (HEP). Dilampirkan Proses Kerja Kes Penyelewengan Akademik (salah laku peperiksaan) bagi peperiksaan secara atas talian yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Bil.01/2021 pada 13 Januari 2021.

3. Sehubungan itu adalah **DIINGATKAN** bahawa pihak fakulti/pusat pengajian/sekolah atau staf akademik **TIDAK DIBENARKAN** mengendalikan sendiri kes penyelewengan akademik dalam peperiksaan akhir. Semua kes berkaitan penyelewengan akademik sepertimana yang termaktub di dalam Buku Peraturan Akademik (Edisi Keempat) dan Buku Panduan Pengendalian Peperiksaan Akhir adalah dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti (HEP) mengikut Buku Peraturan Tatatertib Pelajar Universiti Selangor.

Sekian untuk perhatian dan tindakan YBhg.Prof./Dr./Tuan/Puan.

Terima kasih.

**"PENERAJU TRANSFORMASI"**

Yang benar



**HAJAH ROKMAA BINTI HAJI MAT**  
Pendaftar

**PROSES KERJA**  
**KES PENYELEWENGAN AKADEMIK (SALAH LAKU PEPERIKSAAN) BAGI PEPERIKSAAN SECARA ATAS**  
**TALIAN.**

BIL.	PROSES KERJA	TINDAKAN	REKOD
1.	<p>Pensyarah menerima laporan atau mengesyaki berlaku aktiviti yang tidak sihat semasa peperiksaan akhir berlangsung seperti :-</p> <p>a) Pelajar meniru tugas pelajar lain ( secara rela atau tidak rela)</p> <p>b) Pelajar berkongsi jawapan untuk tugas akhir bersama rakan.</p> <p>c) Disyaki berlaku plagiat</p> <p>d) Pelajar meminta bantuan orang lain untuk menjawab soalan mereka.</p>	Pensyarah	Bahan bukti tugas pelajar yang disyaki meniru dan ditiru
2.	Pensyarah mengisi Borang "Examination Misconduct Report", dan menghantar kepada Unit Peperiksaan dan Penilaian Kursus (UPPK) untuk tindakan lanjut.	Pensyarah	<p>Borang "Examination Misconduct Report".</p> <p>Tempoh sehingga Mesyuarat Senat pengesahan markah peperiksaan akhir.</p>
3.	Pensyarah dibenarkan menanda jawapan akhir pelajar dan memasukkan markah seperti biasa.	Pensyarah	
4.	UPPK akan mendapatkan maklumat lanjut daripada PPDM dan akan menyediakan laporan untuk dihantar kepada Unit Disiplin, HEP untuk tindakan lanjut.	UPPK	<p>a) Borang "Examination Misconduct Report".</p> <p>b) Laporan daripada PPDM</p>
5.	Selepas mesyuarat SENAT pengesahan markah, semua gred pelajar akan diletakkan X sehingga keputusan mahkamah tata tertib dikeluarkan	UPPK	Borang "Examination Misconduct Report".
6.	Selepas mendapat keputusan Lembaga Rayuan Tata tertib Pelajar, UPPK membuat tindakan berdasarkan keputusan yang diberikan.	UPPK	Keputusan Lembaga Rayuan Tata tertib Pelajar



## EXAMINATION SECRETARIAT

## EXAMINATION MISCONDUCT REPORT

## COURSE INFORMATION

LECTURER'S NAME :	MOBILE PHONE NUMBER :
EXAMINATION METHOD :	
SEMESTER :	SESSION :
DATE :	TIME :
COURSE NAME :	COURSE CODE :

## STUDENT INFORMATION

NAME :	
PROGRAMME :	FACULTY :
STUDENT ID :	MOBILE PHONE NUMBER :

## EXAMINATION MISCONDUCT REPORT

PLEASE EXPLAIN IN BRIEF AGAINST STUDENT REPORTED CHEATING, PLAGIARISM AND INAPPROPRIATE COLLUSION IN ONLINE EXAMINATION/TAKE HOME/CONTINUOUS ASSESSMENT/PROJECT BASED.

---



---



---



---



---



---



---



---



---



---



---



---



---



---



---



---



---



---



---



---



---



---

I ADMIT THAT THE STATEMENT ABOVE IS TRUE AND COMPLY TO GIVE A STATEMENT DURING HEARING IF REQUIRED.  
LECTURER'S NAME AND SIGNATURE      AND      ACADEMIC DEPUTY DEAN SIGNATURE

